



IKLAN KEKOSONGAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN RESTORAN PELICAN, AYER KEROH

Tawaran ini adalah dipelawa kepada tuan/puan untuk menyewa dan menguruskan bangunan / struktur serta seluruh kawasan sewaan termasuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan di Restoran Pelican, Ayer Keroh milik Majlis dengan perincian seperti di jadual berikut :-

BIL.	NAMA DAN LOKASI	KEKOSONGAN	NO. LOT / MUKIM	TEMPOH SEWAAN	KADAR MINIMA SEWAAN SEBULAN	SKOP KERJA	KOD BIDANG
1.	RESTORAN PELICAN	1	LOT 2349	3 TAHUN	RM 7,000.00	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN	221506 (Penyewaan dan Pengurusan bagi bangunan/pejabat/stor/ruang niaga/rumah kediaman)



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN RESTORAN PELICAN, AYER KEROH

1. Pemohon mestilah **Warganegara Malaysia**, berumur **21 tahun ke atas dan keutamaan diberikan kepada Syarikat yang mempunyai pejabat di Negeri Melaka, mampu menyediakan kelengkapan, peralatan, kemudahan dan tenaga kerja yang mencukupi.**
2. Tawaran ini adalah mengikut keadaan **sediada** di lokasi yang dinyatakan.
3. **Borang permohonan dan Cadangan Terperinci** perlu dihantar ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bersama-sama dokumen seperti berikut :-
 - a. **1 salinan Kad Pengenalan pemohon dan saksi** (suami / isteri / ibu / bapa)
 - b. **1 salinan Penyata Kewangan** yang terkini bagi 3 bulan yang terkini
 - c. **1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat**
 - d. **1 salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang berkaitan**
 - e. **Softcopy (CD/pendrive) dan hardcopy (3 salinan berwarna)** bagi **Profil Syarikat** serta **Cadangan Terperinci dari pihak Syarikat** yang mengandungi perkara-perkara berikut:-
 - i. Cadangan Jenis Perniagaan dan Kadar Sewa Bulanan kepada MPHTJ
 - ii. Cadangan Menaiktaraf/Mengubah suai Premis dan Fasiliti Sediada
 - iii. Waktu Operasi dan Tempoh Sewaan
 - iv. Kadar Bayaran / Caj Bagi Aktiviti Yang Dijalankan
 - f. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada)**
4. Permohonan dibuka bermula **3 NOVEMBER 2025** sehingga **28 NOVEMBER 2025**.
5. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani binti Jamaludin atau Encik Kishok a/l Selvarajo di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 325/326**.
6. Pemohon yang telah menghantar dokumen permohonan dengan lengkap beserta bayaran **wang proses RM 10.00, akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi pembentangan**. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh sesi pembentangan adalah dianggap tidak berjaya.



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN RESTORAN PELICAN, AYER KEROH

1. Menjalankan perniagaan yang bersesuaian dengan keadaan, lokasi dan persekitaran. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu mendapat kebenaran pihak Majlis terlebih dahulu dan mempunyai lesen perniagaan yang aktif.
2. Memastikan premis/ruang sewaan sentiasa berada dalam keadaan selamat, bersih dan terjaga dari semua aspek.
3. Menyelenggara dan menaiktaraf keseluruhan kawasan premis untuk kemudahan kepada pelanggan.
4. Memastikan longkang, rumput dan pokok yang berada dalam kawasan diselenggara dengan baik.
5. Memastikan perniagaan dan aktiviti yang dijalankan tidak melanggar undang-undang.
6. Keseluruhan kawasan perlu dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) yang aktif dan berfungsi dengan baik.
7. Semua kos, tanggungan dan perbelanjaan untuk mengurus, menyelenggara, menaiktaraf, mengubah suai dan menjalankan operasi adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya.
8. Memastikan sisa pepejal diuruskan dengan sempurna oleh kontraktor yang berdaftar dengan **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)**.
9. Syarikat perlu mengambil insurans tanggungan awam sekurang-kurangnya RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta sahaja).

(DATUK SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

MPHTJ/NASJ/klankekosonganforestaydantamanbotanikal